New to Alliance Personal (“AP”) Welcome Offer 2024 Campaign

Terms and Conditions

General Terms and Conditions

1. The "New to Alliance Personal ("AP") Welcome Offer Campaign 2024" ("**Campaign**") is organised by Alliance Bank Malaysia Berhad ("**Bank**"). The Campaign shall run from 1 October 2024 to 31 March 2025 (both dates inclusive) or such other time period as may be notified by the Bank from time to time ("**Campaign Period**"); inclusive of both dates, unless as stated otherwise.

2. By participating in this Campaign, the Eligible Customers (as defined hereunder) shall have thoroughly read and fully understood all the Terms and Conditions herein and fully agree to be bound by and accept all the Terms and Conditions.

3. This Campaign is open to All New-to-Bank and/or Existing-to-Bank individual customers who fulfil the following conditions ("**Eligible Customers**"):

   Be a Primary New Alliance Personal customer with a minimum Net Investable Assets Under Management ("NIA AUM") of RM100,000 in Deposits (excluding Savelink Account) and/or Investments (excluding Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") and Bancassurance Regular Premium ("RP")) and open/maintain at least one of the following accounts with the Bank with a minimum deposit of RM10,000:
   a. Alliance Hybrid Account or
   b. Alliance SavePlus Account

   "NIA AUM" *refers to total sum of Deposits products (excluding Savelink Account), Investments products (excluding Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") and Bancassurance Regular Premium ("RP")).*

4. Notwithstanding the foregoing, the following person(s) shall, however, **NOT** be eligible to participate in this Campaign:
   a. Permanent and/or contract employees of the Bank (including its subsidiaries and related companies) including their respective immediate family members, meaning parents, spouses, children and siblings;
   b. Customers whose account(s) are held with the Bank that are dormant or inactive or who have breached any agreements with the Bank;
   c. Customers whose account(s) held with the Bank are delinquent or unsatisfactorily conducted;
   d. Individuals who are financially insolvent or who have been adjudicated a bankrupt;
   e. The Bank's customers who are in default of any facilities granted by the Bank (including its subsidiaries and related companies) at any time before or during the Campaign Period;
   f. Any other persons as determined by the Bank to be excluded according to its internal policy(ies);
   g. Non-individual entities including but not limited to sole-proprietorships, partnerships, charitable/non-profit organisations/societies, corporate and commercial customers, public listed and private limited companies, clubs, associations and co-operatives.

5. Newly joined AP customers are entitled to the following promotions:

   a. Promotional Fixed Deposit ("FD") Interest Rate

Tenure	Promotional Interest Rate	Placement Amount		Channel
		Minimum	Maximum	
6-Month	3.80% p.a.	RM1,000	RM100,000	Over-the-counter

   b. Wealth Cashback

Wealth Tier (RM)	Wealth Cashback (RM)	Capping
Tier 1: 20,000.00 to 99,999.99	350.00	Limited to first 100 customers only
Tier 2: 100,000.00 to 299,999.99	1,000.00	Limited to first 50 customers only
Tier 3: 300,000.00 to 499,999.99	1,700.00	Limited to first 5 customers only
Tier 4: 500,000.00 and above	2,500.00	Limited to first 5 customers only

Terms and Conditions specific for Promotional FD Interest Rate

6. Eligible Customers must make the placement for Promotional FD Interest Rate within thirty (30) days from the date of AP tagging. Failure which will leads to customer not eligible for the Promotional FD Interest Rate.

7. Fresh Funds must be transferred into an account with the Bank not more than seven (7) days prior to the placement of the FD to enjoy the Promotional FD Interest Rate as shown in Clause 5(a). The placements cannot be split, either by placement date(s) and/or account(s).

   "Fresh Funds" *are defined as new funds placements which are not derived from any existing account(s) with the Bank or its subsidiaries. It must not be funds transferred from any existing Savings/Current/Fixed Deposit/Foreign Currency* Account*(s) of the Bank or in the forms of cheques, cashier's orders or demand drafts issued by the Bank. All amounts that are not Fresh Funds would not be eligible for the Campaign*.

8. The Campaign will end when the Bank has reached its allocated FD fund size's threshold of RM102,500,000 or when the Campaign Period expires, whichever comes first.

9. Eligible Customers must be the primary accountholder of the FD account. For Eligible Customers who hold accounts jointly with other parties, all such accounts shall be considered as one single account only, based on the name of the primary account holder.

10. If the Eligible Customers do not meet the criteria outlined in Clause 3 during the Campaign Period, the Promotional FD Interest Rate will no longer apply and the Bank's prevailing FD board rate will be applied with the same period and placement amount.

11. During the FD's tenure, partial withdrawal is not allowed. If the FD is withdrawn before its maturity date, any interest payable will be subject to the Bank's premature withdrawal policy.

12. Upon maturity, the FD shall be automatically renewed at the prevailing 6-month FD board rate. The prevailing 6-month FD board rate available at the below website:- https://www.alliancebank.com.my/banking/personal/fixed-deposits/fixed-deposit.aspx.

13. The Promotional Rate is subject to change, and if the Overnight Policy Rate ("OPR") changes, a notice will be published on the Bank's website at www.alliancebank.com.my.

Terms and Conditions specific for Wealth Cashback

14. Eligible Customers must have at least one (1) new Investment transaction and/or one (1) new Life Insurance Regular Premium (collectively referred as "Wealth") within 180 days from the date of AP tagging to be rewarded with the Wealth Cashback as shown in Clause 5(b).

15. The products that will be recognized under "Wealth" are as follows:

Category	Participating Product	
Investment	Unit Trust	Selected Unit Trust funds with minimum 3.00% sales charge
	Retail Securities / Retail Sukuk	Selected Retail Securities/Retail Sukuk with minimum 1.50% sales margin/spread
	Structured Investment	Selected Structured Investment with minimum 1.50% sales margin
Life Insurance Regular Premium	Any Life Insurance Regular Premium product	

16. The list of participating product(s) is available at the branch and/or by contacting the relationship manager(s).

17. For Investment:
    a. Eligible Customers must be the primary account holder of the Investment.
    b. The Investment amount is calculated based on the transaction amount of the respective investment products.

c. In the event the investment in Unit Trust is using withdrawals from the Employees Provident Fund (EPF) and/or exercise cooling-off within the cooling-off period, the Eligible Customer will not be entitled for the Wealth Cashback.

18. For Life Insurance Regular Premium:
    a. Eligible Customers must be the policy holder of the Life Insurance Regular Premium policy.
    b. The Life Insurance Regular Premium application must be submitted to and received by Manulife Insurance Berhad within the Campaign Period and accepted and/or issued on or before 15 April 2025.
    c. In the event the insurance applications or policies are declined, terminated, cancelled, cooled-off or lapsed within the Campaign Period, the Eligible Customer will not be entitled for the Wealth Cashback.

19. Each Eligible Customer is only entitled to a one-time Wealth Cashback throughout the Campaign Period.

20. The Wealth Cashback will be credited into Eligible Customer(s)' Primary Alliance SavePlus Account ("Eligible Account") within sixty (60) days after fulfilment of Clause 14.

21. In the event the Eligible Customer(s) has more than one (1) Eligible Account, the Eligible Account with the highest End of Day ("EOD") balance at the point of data extraction will be credited with the Wealth Cashback.

22. In the event the Eligible Customer(s) do not have an Eligible Account, the Wealth Cashback will be credited into Eligible Customer(s)' Primary Current/Savings Account (excluding Share Margin Financing, SaveLink, Foreign Currency Account) with the highest balance at the end of the Campaign Period.

23. The Wealth Cashback is based on a first-come, first-served basis according to investment's transaction trade date and/or Life Insurance Regular Premium issuance date. The Campaign will end when either the Bank has achieved the Wealth Cashback capping as shown in Clause 5(b) or at the end of the Campaign Period, whichever comes first.

24. The Wealth Cashback is not transferrable and non-exchangeable in any kind. The Bank shall not entertain any request from any of the Eligible Customer(s) or any other persons whomsoever to give away or change the Wealth Cashback to any third (3rd) party.

25. For Investment Products:
    a. For Investment in foreign currency, the Investment Account will be based in the local currency equivalent.
    b. The Eligible Customer(s) acknowledges that that for foreign currency denominated investment is subject to the prevailing Foreign Exchange Notices under the Financial Services Act 2013. Depending on the Eligible Customer(s) resident status and whether the Eligible Customer(s) has domestic ringgit borrowing / financing, undertaking of investment in foreign currency may have limit imposed.
        (i) The Eligible Customer(s) without domestic ringgit borrowing[1] are allowed to undertake of any amount; or
        (ii) The Eligible Customers with domestic ringgit borrowing[1] are allowed to undertake of:
            - Any amount using available foreign currency funds; or
            - Up to RM1 million equivalent in aggregate per calendar year using:
                - Foreign currency funds sourced from conversion of ringgit;
                - Any transfer from Trade Foreign Currency Account (TFCA) to Investment Foreign Currency Account (IFCA);
                - Through swapping of financial assets
            - Up to RM10 million equivalent in aggregate of foreign currency borrowing obtained by resident from Licensed Onshore Bank ("**LOB**") or a non-resident.
        (iii) The Eligible Customer(s) agree that if the Investment Amount exceeds any limit prescribed by the Foreign Exchange Notices, the Bank may debit the account, convert the excess into Ringgit at the relevant Bank's prevailing buying rate and credit the Eligible Customer(s)' Ringgit account with the Bank.

[1] Domestic ringgit borrowing refers to:

i. any utilised or unutilised Ringgit credit facility or financing facility, borrowing, redeemable preference share, Islamic redeemable preference share, Corporate Bond or Sukuk obtained by a Resident from another Resident excluding:
   a. trade credit term extended by a supplier for any goods or services;
   b. a credit limit that a Licensed Onshore Banks (LOB) apportions for its client to undertake a Forward Basis transaction, excluding a transaction that involves exchanging or swapping of Ringgit or Foreign Currency debt for another Foreign Currency debt or exchanging of Foreign Currency debt for a Ringgit debt;
   c. a Financial Guarantee or Non-Financial Guarantee;
   d. an operational leasing facility;
   e. a factoring facility without recourse;
   f. a credit facility or financing facility obtained by a Resident Individual from a Resident to purchase one (1) residential property and one (1) vehicle; or
   g. a credit card and charge card facility obtained by a Resident Individual from a Resident.

ii. any obligation considered or deemed as Domestic Ringgit Borrowing under any of the Foreign Exchange Notices.

Other Terms and Conditions

26. By participating in this Campaign, the Eligible Customers shall have fully understood, accepted and agreed to be bound by all the Terms and Conditions herein.

27. The Terms and Conditions shall be supplemental to and not be in derogation of any one or more of the existing Terms and Conditions and/or guidelines governing and/or regulating the operations and/or maintenance of the Eligible Accounts or otherwise.

28. The Eligible Customers further agree to co-operate and comply with requests from the Bank for the purpose of organising, promoting and conducting this Campaign.

29. All decisions made by the Bank in relation to this Campaign shall be final and binding on the Eligible Customers. No correspondence, appeal or disputes in respect of the same shall be entertained.

30. The Bank reserves the right to add, delete, vary and/or amend the Terms and Conditions, wholly or in part, with notification to be published at the Alliance Bank's website at www.alliancebank.com.my twenty-one (21) calendar days' prior to the changes except for Campaign offers related to limited fund size, Eligible Customers are encouraged to refer to the latest fund size published on the Alliance Bank's website throughout the Campaign Period.

31. For any cancellations, terminations, suspension or extension of this Campaign Period shall not entitle the Eligible Customers to any claims or compensations whatsoever against the Bank or for any and all losses or damages suffered or incurred by the Eligible Customers as a direct or indirect result of the act of cancellation, termination, suspension or extension.

32. The Bank shall not be responsible nor shall accept any liabilities (including without limitation, loss of income, profits or goodwill, direct or indirect, incidental, consequential, exemplary, punitive, or special damages or proceedings brought by any party including third parties) arising or suffered by the Eligible Customers or other parties due to the Eligible Customers' own fault, resulting directly or indirectly from this Campaign.

33. The Eligible Customers hereby understands and consents to the collection of personal data, processing, storing, usage and disclosure of the Customers' personal data (which includes but is not limited to contact details), by the Bank to its affiliates, service providers as required and necessary, for the purposes of effecting and discharging the services of this campaign. For the avoidance of doubt, Personal Data includes all data defined within the Personal Data Protection Act 2010 including all data you had disclosed.

34. By participating in this Campaign, the Eligible Customers agree that they have read the Notice and Choice Principle Statement available at the Bank's website (https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-ENG.pdf) and hereby give their consent and authorise the Bank to disclose their particulars to any third party service provider engaged by the Bank for the purpose of this Campaign.

35. The Bank has instituted and maintains policies and procedures designed to prevent bribery and corruption by the Bank and its directors, officers, or employees; and to the best of the Bank's knowledge, neither the Bank nor any director, officer, or employee of the Bank has engaged in any activity or conduct which would violate any anti-bribery or anti-corruption law or regulation applicable to the Bank. The Bank has not, and covenants that it will not, in connection with the conduct of its business activities, promise, authorise, ratify or offer to make, or take any act in furtherance of any payment, contribution, gift, reimbursement or other transfer of anything of value, or any solicitation, directly or indirectly to any individual.

36. By virtue of participating in this Campaign, Eligible Customer hereby acknowledges that it has been made aware of the Bank's anti-bribery and corruption summary of the policy available at https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx and further covenants/undertakes that it shall not indulge in such corrupt practices in whatsoever manner whether directly or indirectly with any directors, officers or employees of the Bank.

37. The Eligible Customer(s) is required to sign all relevant standard documents and comply with all terms and conditions in respect of his/her Participating Products under the Campaign, which are separate from the terms and conditions herein. By participating in this Campaign, the Eligible Customers shall have fully understood, accepted and agreed to be bound by all the Terms and Conditions.

Prevention and Mitigation of Banking Fraud and Scam

38. The Bank may from time to time provide the latest update or content to educate the customer and create awareness that help prevent or mitigate fraud and scam risk. These may include but not limited to security tips, software/operating system/application/version update, and regulation requirements from any relevant governing bodies.

39. The customer shall keep in safe custody of all banking instruments, for example cheque books/cheque leaves, security tokens, debit card, telephone banking PIN, internet and mobile banking login credentials, and transaction authorisation code (TAC). The Customer shall notify the Bank immediately when the Customer becomes aware that any of the above is lost or used without authority or proper authorisation. The Customer shall not be liable for losses resulting from unauthorised transaction(s) occurring after the Customer had notified the Bank in accordance with these Terms and Conditions that the Customer's banking instruments mentioned above have been lost, misused, stolen, compromised or breached.

40. Where any loss or damage suffered by the customer is solely attributed to the wilful negligence of the Bank, the Bank's sole and entire liability (whether in respect of one or more claims) to the customer in contract or tort shall not exceed the amount of the transaction which gave rise to the claim or claims or the direct damages sustained, whichever is lower. In no event shall the Bank be liable or any loss of business, loss of profits, earnings or goodwill, loss of data, indirect, consequential, special or incidental damages, liabilities, claims, losses, expenses, disbursements, awards, penalties, proceedings and costs regardless of whether the possibilities of such losses or damages were disclosed to, or could have reasonably been foreseen by the Bank.

41. Upon being notified by the customer of such incident, the Bank shall conduct an investigation and the customer is required to provide sufficient information and collaboration to facilitate the investigation. The Bank is hereby given the authority to perform the following measures upon detection (with/without prior consent from customer) in order to prevent or mitigate further financial loss while the Bank is performing its investigation:
    i. Suspend or freeze the affected account;
    ii. Revoke or reset the Customer's internet or mobile banking access; and/or
    iii. Revoke the validity of banking instruments;
    and the Customer will be notified once the above has been operated.

Deposit products are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to RM250,000 for each depositor per bank except for Investment Products as prescribed under the PIDM guideline available at www.pidm.gov.my

Manulife Insurance Berhad is a member of PIDM.

Bancassurance Regular Premium Investment Linked Products
Protection by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") on benefits payable from the unit portion of this policy is subject to limitations. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") brochure or contact Manulife Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Bancassurance Regular Premium Non-Investment Linked Products
The benefit(s) payable under Bancassurance Regular Premium Non-Investment Linked products are protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") brochure or contact Manulife Insurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

DISCLAIMER FOR BANCASSURANCE PRODUCTS

Before purchasing the insurance policy, you are advised to refer to the terms and conditions in the Product Brochure, Product Disclosure Sheet and Product Illustration for details of the important features and major exclusions of the insurance plan.

This insurance product is underwritten by Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M)), a licensed insurance company regulated by Bank Negara Malaysia and is distributed by Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") (198201008390 (88103-W)). The Bank accepts no responsibility or liability for the plan or the products and services offered by Manulife Insurance Berhad.

DISCLAIMER FOR INVESTMENT PRODUCTS

Investment products are not obligations of, guaranteed or insured by the bank and are subject to investment risks (e.g. Market risk, currency risk and issuer credit risk) including the possible loss of the principal amount invested. Investors are advised to read and understand content of the relevant documents of the respective investment products including but not limited to the prospectus or information memorandum and product highlight sheet before investing. Investors should also consider all fees and charges involved before investing. Past performance of the investment product is not an indication of future performance. Investors should carefully consider whether any investment views or investment products are appropriate in view of their own investment experience, objectives, financial resources and relevant circumstances.

Investment products is not protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).

Kempen Alu-aluan Pelanggan Baharu Alliance Personal (“AP”) 2024

Terma dan Syarat

Terma dan Syarat Am

1. *"Kempen Alu-aluan Pelanggan Baharu Alliance Personal ("AP") 2024" ("**Kempen**") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("**Bank**"). Kempen ini akan dijalankan dari 1 Oktober 2024 hingga 31 Mac 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tempoh lain sedemikian yang mungkin dimaklumkan oleh Bank dari semasa ke semasa ("**Tempoh Kempen**"); termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya.*

2. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikat oleh dan menerima semua Terma dan Syarat.*

3. *Kempen ini dibuka kepada Semua Pelanggan individu Baharu dan/atau Sedia Ada Bank yang memenuhi kriteria berikut ("**Pelanggan yang Layak**"):*

Menjadi pelanggan Alliance Personal yang Baharu dan Utama dengan Aset Di Bawah Pengurusan Boleh Labur Bersih ("NIA AUM") minimum sebanyak RM100,000 dalam Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink) dan/atau Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")) dan membuka/mengekalkan sekurang-kurangnya satu daripada akaun berikut dengan Bank dengan deposit minimum RM10,000: *a. Akaun Alliance Hybrid; atau* *b. Akaun Alliance SavePlus* *"**NIA AUM**" merujuk kepada jumlah keseluruhan produk Deposit (tidak termasuk Akaun Savelink), produk Pelaburan (tidak termasuk Amanah Saham Nasional Berhad ("ASNB") dan Bankasurans Premium Berkala ("RP")).*

4. *Walau apa pun perkara di atas, individu seperti berikut **TIDAK** layak untuk menyertai Kempen ini:*
   a. *Kakitangan tetap dan/atau kontrak Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) termasuk ahli keluarga terdekat masing-masing, yang bermakna ibu bapa, pasangan, anak dan adik-beradik;*
   b. *Pelanggan yang mempunyai akaun dorman atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank;*
   c. *Pelanggan yang mempunyai akaun yang tertunggak atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan Bank;*
   d. *Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau yang dihukum bankrap;*
   e. *Pelanggan yang ingkar dalam sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen;*
   f. *Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya;*
   g. *Entiti bukan individu yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.*

5. *Pelanggan AP yang baru menyertai layak mendapat promosi berikut:*

   a. *Kadar Faedah Promosi Deposit Tetap ("FD")*

Tempoh	***Kadar Faedah Promosi***	***Amaun Penempatan***		***Saluran***
		Minimum	***Maksimum***	
6 bulan	*3.80% setahun*	*RM1,000*	*RM100,000*	*Di kaunter*

   b. *Pulangan Tunai Kekayaan*

Peringkat Kekayaan (RM)	***Pulangan Tunai Kekayaan (RM)***	***Had***
Tingkat 1: *20,000.00 hingga 99,999.99*	*350.00*	*Terhad kepada 100 pelanggan pertama sahaja*

Peringkat Kekayaan (RM)	***Pulangan Tunai Kekayaan (RM)***	***Had***
Tingkat 2: *100,000.00 hingga 299,999.99*	*1,000.00*	*Terhad kepada 50 pelanggan pertama sahaja*
Tingkat 3: *300,000.00 hingga 499,999.99*	*1,700.00*	*Terhad kepada 5 pelanggan pertama sahaja*
Tingkat 4: *500,000.00 dan ke atas*	*2,500.00*	*Terhad kepada 5 pelanggan pertama sahaja*

Terma dan Syarat khusus untuk Kadar Faedah Promosi FD

6. *Pelanggan yang Layak mesti membuat penempatan untuk Kadar Faedah Promosi FD dalam masa tiga puluh (30) hari dari tarikh penandaan AP. Kegagalan yang akan menyebabkan pelanggan tidak layak untuk Kadar Faedah Promosi FD.*

7. *Untuk layak mendapat Kadar Faedah Promosi FD, Pelanggan yang Layak mesti memasukkan Dana Baharu dalam tempoh tujuh (7) hari sebelum penempatan ke dalam akaun FD seperti yang ditunjukkan dalam Klausa 5(a). Penempatan yang dibuat tidak boleh dipecahkan, sama ada melalui tarikh penempatan dan/atau akaun.*

   *"**Dana Baharu"** ditakrifkan sebagai penempatan dana baharu yang tidak diperoleh daripada mana-mana akaun sedia ada dengan Bank atau anak syarikatnya. Ia mestilah bukan dana yang dipindahkan daripada mana-mana Akaun Simpanan/Semasa/Deposit Tetap/Mata Wang Asing sedia ada Bank atau dalam bentuk cek, perintah juruwang atau draf permintaan yang dikeluarkan oleh Bank. Semua jumlah yang bukan Dana Baharu tidak layak untuk Kempen ini.*

8. *Kempen akan tamat apabila Bank telah mencapai had saiz dana FD yang diperuntukkan sebanyak RM102,500,000 atau pada akhir Tempoh Kempen, yang mana lebih awal.*

9. *Pelanggan yang Layak mestilah pemegang akaun utama akaun FD. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun sedemikian akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja berdasarkan nama pemegang akaun utama.*

10. *Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak memenuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam Klausa 3 semasa Tempoh Kempen, Kadar Faedah/Keuntungan Promosi FD akan berhenti digunakan dan kadar semasa FD Bank akan digunakan dengan tempoh dan jumlah penempatan yang sama.*

11. *Pengeluaran separa untuk FD tidak dibenarkan semasa tempoh FD. Jika FD dikeluarkan sebelum tarikh matangnya, faedah yang perlu dibayar, jika ada, akan tertakluk kepada polisi Bank mengenai pengeluaran pramatang.*

12. *Pada Kematangan, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa FD 6 bulan masing-masing. Kadar semasa FD 6-bulan terdapat di laman web berikut:- https://www.alliancebank.com.my/banking/personal/fixed-deposits/fixed-deposit.aspx.*

13. *Kadar Promosi adalah tertakluk kepada semakan dan sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman ("OPR"), notis akan dikeluarkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my.*

Terma dan Syarat khusus untuk Pulangan Tunai Kekayaan

14. *Pelanggan yang Layak mesti mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) transaksi Pelaburan baharu dan/atau satu (1) Premium Tetap Insurans Hayat baharu (secara kolektif dirujuk sebagai "Kekayaan") dalam tempoh 180 hari dari tarikh penandaan AP untuk menerima Pulangan Tunai Kekayaan seperti yang ditunjukkan dalam Klausa 5(b).*

15. *Produk yang akan diiktiraf di bawah "Kekayaan" adalah seperti berikut:*

Kategori	***Produk Menyertai***	
Pelaburan	*Unit Amanah*	*Dana Unit Amanah terpilih dengan caj jualan minimum 3.00%.*
	Sekuriti Runcit / Sukuk Runcit	*Sekuriti Runcit / Sukuk Runcit terpilih dengan margin/sebaran jualan minimum 1.50%*
	Pelaburan Struktur	*Pelaburan Struktur terpilih dengan margin jualan minimum 1.50%*
Premium Tetap Insurans Hayat	*Mana-mana Produk Premium Tetap Insurans Hayat*	

16. *Senarai produk yang mengambil bahagian boleh didapati di cawangan dan/atau dengan menghubungi pengurus perhubungan.*

17. *Untuk Pelaburan:*
    a. *Pelanggan yang Layak mestilah pemegang akaun utama Pelaburan.*
    b. *Amaun Pelaburan dikira berdasarkan jumlah transaksi produk pelaburan masing-masing.*
    c. *Sekiranya pelaburan dalam Unit Amanah menggunakan pengeluaran daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan/atau bertenang dalam tempoh bertenang, Pelanggan Layak tidak akan layak untuk Pulangan Tunai Kekayaan.*

18. *Untuk Premium Tetap Insurans Hayat:*
    a. *Pelanggan yang Layak mestilah pemegang polisi-polisi Premium Tetap Insurans Hayat.*
    b. *Permohonan Premium Tetap Insurans Hayat mesti diserahkan kepada dan diterima oleh Manulife Insurance Berhad dalam Tempoh Kempen dan diterima dan/atau dikeluarkan pada atau sebelum 15 April 2025.*
    c. *Sekiranya permohonan atau polisi insurans ditolak, ditamatkan, dibatalkan, disejukkan atau luput dalam Tempoh Kempen, Pelanggan Layak tidak akan layak untuk Pulangan Tunai Kekayaan.*

19. *Setiap Pelanggan yang Layak hanya layak mendapat Pulangan Tunai Kekayaan sekali sahaja sepanjang Tempoh Kempen.*

20. *Pulangan Tunai Kekayaan akan dikreditkan ke dalam Akaun Utama Alliance SavePlus ("Akaun yang Layak") Pelanggan yang Layak dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas memenuhi Klausa 14.*

21. *Sekiranya Pelanggan yang Layak mempunyai lebih daripada satu (1) Akaun yang Layak, Akaun yang Layak dengan baki Akhir Hari ("EOD") tertinggi pada masa pengekstrakan data akan dikreditkan dengan Pulangan Tunai Kekayaan .*

22. *Sekiranya Pelanggan yang Layak tidak mempunyai Akaun yang Layak, Pulangan Tunai Kekayaan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa/Simpanan Utama Pelanggan yang Layak (tidak termasuk Akaun Pembiayaan Margin Saham, Savelink, Mata Wang Asing) dengan baki tertinggi pada akhir Tempoh Kempen.*

23. *Pulangan Tunai Kekayaan adalah berdasarkan asas siapa cepat dia dapat mengikut tarikh perdagangan urus niaga pelaburan dan/atau tarikh terbitan Premium Tetap Insurans Hayat. Kempen akan tamat apabila Bank telah mencapai had Pulangan Tunai Kekayaan seperti yang ditunjukkan dalam Klausa 5(b) atau pada penghujung Tempoh Kempen, yang mana dahulu.*

24. *Pulangan Tunai Kekayaan tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar dalam apa jua bentuk. Bank tidak akan melayan sebarang permintaan daripada mana-mana Pelanggan yang Layak atau mana-mana orang lain yang mana-mana untuk memberikan atau menukar Pulangan Tunai Kekayaan kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3).*

25. *Untuk Produk Pelaburan:*
    a. *Untuk pelaburan dalam mata wang asing, Akaun Pelaburan adalah berasaskan mata wang tempatan yang setara.*
    b. *Pelanggan yang Layak mengakui bahawa pelaburan dalam mata wang asing adalah tertakluk kepada Notis Pertukaran Asing yang lazim di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. Bergantung pada status pemastautin Pelanggan yang Layak, dan sama ada Pelanggan yang Layak mempunyai peminjaman/pembiayaan dalam ringgit domestik, pelaburan dalam mata wang asing mungkin akan dikenakan had.*
        (i) *Pelanggan yang Layak yang tidak mempunyai peminjaman ringgit domestik[1] dibenarkan untuk meminjam sebarang jumlah; atau*
        (ii) *Pelanggan yang Layak yang mempunyai peminjaman ringgit domestik1 dibenarkan untuk meminjam:*
            - *Sebarang jumlah menggunakan dana mata wang asing yang tersedia; atau*
            - *Sehingga RM1 juta bersamaan secara agregat bagi setiap tahun kalendar menggunakan:*
                - *Dana mata wang asing yang diperoleh daripada penukaran ringgit;*
                - *Sebarang pemindahan daripada Akaun Mata Wang Asing Perdagangan (TFCA) kepada Akaun Mata Wang Asing Pelaburan (IFCA);*
                - *Melalui penukaran aset kewangan;*
            - *Sehingga RM10 juta bersamaan secara agregat bagi pinjaman mata wang asing yang diperoleh pemastautin daripada Bank Dalam Pesisir Berlesen ("LOB") atau bukan pemastautin.*
        (iii) *Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa jika Jumlah Pelaburan melebihi sebarang had yang ditetapkan oleh Notis Pertukaran Asing, Bank boleh mendebit akaun, menukar lebihan kepada Ringgit pada kadar belian lazim Bank yang berkenaan dan mengkreditkan akaun Ringgit Pelanggan yang Layak dengan Bank.*

[1] Peminjaman ringgit domestik merujuk kepada:

i. *sebarang kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan Ringgit, peminjaman, saham keutamaan boleh tebus, saham keutamaan boleh tebus Islam, Bon Korporat atau Sukuk yang diperoleh Pemastautin daripada Pemastautin lain tidak termasuk:*
    a. *tempoh kredit perdagangan yang dilanjutkan oleh pembekal untuk apa-apa barangan atau perkhidmatan;*
    b. *had kredit yang yang dibahagikan oleh Bank Dalam Pesisir Berlesen ("**LOB"**) untuk pelanggannya menjalankan transaksi Asas Hadapan, tidak termasuk transaksi yang melibatkan pertukaran atau penukaran hutang Ringgit atau Mata Wang Asing kepada hutang Mata Wang Asing yang lain atau pertukaran hutang Mata Wang Asing dengan hutang Ringgit;*
    c. *Jaminan Kewangan atau Jaminan Bukan Kewangan;*
    d. *kemudahan pajakan operasi;*
    e. *kemudahan pemfaktoran tanpa bantuan;*
    f. *kemudahan kredit atau kemudahan pembiayaan yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin untuk membeli satu (1) harta kediaman dan satu (1) kenderaan; atau*
    g. *kemudahan kad kredit dan kad caj yang diperoleh Pemastautin Individu daripada Pemastautin*

ii. *apa-apa kewajipan yang dipertimbangkan atau dianggap sebagai Peminjaman Ringgit Domestik di bawah sebarang Notis Pertukaran Asing.*

Terma dan Syarat Lain

26. *Dengan menyertai Program ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat di sini.*

27. *Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana satu atau lebih daripada satu Terma dan Syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan Akaun yang Layak atau sebaliknya.*

28. *Pelanggan yang Layak seterusnya bersetuju untuk bekerjasama dan mematuhi permintaan daripada Bank bagi tujuan menganjurkan, mempromosi dan menjalankan Kempen ini.*

29. *Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Kempen ini adalah muktamad dan akan mengikat Pelanggan yang Layak. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau pertikaian mengenai perkara yang sama tidak akan dilayan.*

30. *Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan atau sebahagian, dengan memberi notis di laman web Alliance Bank di www.alliancebank.com.my dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum perubahan tersebut kecuali untuk tawaran Kempen berkenaan dengan saiz dana yang terhad. Pelanggan yang Layak dinasihatkan untuk merujuk kepada saiz dana terkini yang diterbitkan di laman web Alliance Bank semasa Tempoh Kempen.*

31. *Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan Tempoh Kempen tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan yang mungkin dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sebagai akibat secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelanjutan sedemikian.*

32. *Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain akibat kesalahan pelanggan yang layak sendiri, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Kempen.*

33. *Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan bersetuju dengan pengumpulan data peribadi, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan (yang termasuk tetapi tidak terhad kepada butiran hubungan), oleh Bank kepada syarikat sekutunya, penyedia perkhidmatan mengikut keperluan dan apabila diperlukan, untuk tujuan melaksanakan dan menjalankan perkhidmatan Kempen ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi termasuk semua data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuk semua data yang anda telah dedahkan.*

34. *Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank (https://www.alliancebank.com.my/Alliance/media/Pdf/Personal%20Data%20Protection%20Act%202010/NCP-for-website-BM.pdf) dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Kempen ini.*

35. *Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.*

36. *Berdasarkan penyertaan dalam Kempen ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.*

37. *Pelanggan yang Layak perlu menandatangani semua dokumen standard yang berkaitan dan mematuhi semua terma dan syarat berkenaan dengan Produk Sertaan beliau di bawah Kempen, yang berasingan daripada terma dan syarat di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak perlu memahami sepenuhnya, menerima dan bersetuju untuk diikat oleh semua Terma dan Syarat.*

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan Perbankan dan 'Scam' Kewangan

38. *Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tip keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.*

39. *Pelanggan hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan seperti yang tertera di atas.*

40. *Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan,pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.*

41. *Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:*
    i. Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
    ii. Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
    iii. Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;
    dan Pelanggan akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.

Produk deposit dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 untuk setiap pendeposit bagi setiap bank kecuali Produk Pelaburan seperti yang ditetapkan di bawah garis panduan PIDM yang terdapat di www.pidm.gov.my

Manulife Insurance Berhad adalah ahli PIDM.

<u>Produk Bankasurans Premium Berkala Berkiatan Pelaburan</u>
Perlindungan PIDM untuk manfaat yang dibayar daripada bahagian unit polisi adalah tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

<u>Produk Bankasurans Premium Berkala Tidak Berkiatan Pelaburan</u>
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Manulife Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

PENAFIAN UNTUK PRODUK BANKASURANS

Sebelum membeli polisi insurans, anda dinasihatkan untuk merujuk kepada terma dan syarat yang terkandung dalam Brosur Produk, Lembaran Maklumat Produk dan Ilustrasi Produk bagi mendapatkan maklumat lanjut mengenai ciri-ciri penting dan pengecualian utama pelan insurans tersebut.

Produk insurans ini ditaja jamin oleh Manulife Insurance Berhad (200801013654 (814942-M)), sebuah syarikat insurans berlesen yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan diedarkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") (198201008390 (88103-W)). Bank tidak menerima tanggungjawab atau liabiliti untuk pelan atau produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Manulife Insurance Berhad.

PENAFIAN UNTUK PRODUK PELABURAN

Produk pelaburan bukanlah kewajipan bank, tidak dijamin atau diinsuranskan oleh bank dan adalah tertakluk kepada risiko pelaburan (contohnya, risiko pasaran, risiko mata wang dan risiko kredit pengeluar) termasuk kemungkinan kerugian jumlah prinsipal yang dilaburkan. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan dokumen berkaitan produk pelaburan masing-masing termasuk tetapi tidak terhad kepada prospektus atau memorandum maklumat serta lembaran sorotan produk sebelum melabur. Pelabur juga perlu mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Prestasi masa lampau produk pelaburan bukanlah petunjuk bagi prestasi masa hadapan. Pelabur perlu mempertimbangkan dengan teliti sama ada sebarang pandangan pelaburan atau produk pelaburan adalah sesuai memandangkan pengalaman pelaburan, objektif, sumber kewangan dan keadaan yang berkaitan mereka sendiri.

Produk pelaburan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM).